

## STATISTIK KERATAN AKHBAR MAC 2023

| BIL | TAJUK PERKARA                                                                        | SUMBER/MUKA SURAT     | TARIKH     | BAHAGIAN/FAIL |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|------------|---------------|
| 1   | <a href="#">"LELAH" CARİ KERJA LEPASAN IPT PILIH KERJA SAMBILAN</a>                  | UTUSAN MALAYSIA MS 02 | 02/03/2023 | KPT           |
| 2   | <a href="#">APLIKASI INTERAKTIF BANTU AMALI, PRAKTIKAL PELAJAR TVET</a>              | UTUSAN MALAYSIA MS 25 | 02/03/2023 | KPT           |
| 3   | <a href="#">TEGUR KERAJAAN USAH SAMPAI RENDAHKAN MARTABAT MAHASISWA</a>              | BERITA HARIAN MS 11   | 02/03/2023 | KPT           |
| 4   | <a href="#">TVET PENTING UNTUK MASA DEPAN ORANG MUDA</a>                             | SINAR HARIAN MS 13    | 07/03/2023 | KPT           |
| 5   | <a href="#">ALYA YASMIN, MUHAMMAD ZULAINOR CEMERLANG DI POLITEKNIK KOTA KINABALU</a> | UTUSAN MALAYSIA MS 23 | 07/03/2023 | POLITEKNIK    |
| 6   | <a href="#">KPT PINDA AUKU BAGI PERKASA GERAKAN MAHASISWA</a>                        | HARIAN METRO MS 17    | 14/03/2023 | KPT           |
| 7   | <a href="#">KPT WUJUDKAN JAWATANKUSA KHAS KAJI DASAR PENDIDIKAN TINGGI</a>           | SINAR HARIAN MS 09    | 14/03/2023 | KPT           |
| 8   | <a href="#">KPT MAHU BUKA RUANG PELAJAR BERPOLITIK</a>                               | UTUSAN MALAYSIA MS 06 | 14/03/2023 | KPT           |
| 9   | <a href="#">KPT WAJAR PANTAU KEADAAN UNIVERSITI KELOLAANNYA</a>                      | BERITA HARIAN MS 13   | 21/03/2023 | KPT           |
| 10  | <a href="#">KPT IKTIRAF PENCAPAIAN MAHASISWA</a>                                     | SINAR HARIAN MS 11    | 22/03/2023 | KPT           |
| 11  | <a href="#">60 SYARIKAT BESAR SEDIA BANTU BIAYA PROJEK RAKYAT, TVET</a>              | BERITA HARIAN MS 02   | 22/03/2023 | KPT           |
| 12  | <a href="#">NAIKKAN GAJI MINIMUM GRADUAN TVET WAJAR</a>                              | UTUSAN MALAYSIA MS 04 | 23/03/2023 | KPT           |
| 13  | <a href="#">MENU SISWA RAHMAH BUKTI UKM CAKNA SISWA</a>                              | UTUSAN MALAYSIA MS 08 | 23/03/2023 | KPT           |

JUMLAH KESELURUHAN :

11 KERATAN

## Dalam Negeri



**NURJIMAH** Ben sudah menduduki ujian SPA sebanyak 10 kali tetapi tidak berjaya lepas ke peringkat seterusnya.

# 'Lelah' cari kerja, lepasan IPT pilih kerja sambilan

### LAPORAN KHAS

Oleh **MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI, OTHMAN YAHAYA, SURAIDAH ROSLAN, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF, NOR SHAFAWATI YUP, ROSLIZA MOHAMED** dan **ADNAN IBRAHIM**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** 'Bukan memilih kerja, tetapi ada ketika gaji yang ditawarkan, tidak setimpal dengan kos sara hidup semasa'.

Demikian dilema dihadapi seorang penghantar makanan, Muhammad Fakhri Syazwan Mohd. Samsol, 19, yang hampir setahun mencari pekerjaan tetap.

Kata lulusan Kolej Vokasional (KV) Melaka Tengah itu, dia pernah ditawarkan beberapa jawatan oleh pihak industri, tetapi kesemuanya tidak berkaitan dengan kelulusan dimiliki.

Dan sepanjang tempoh itu dia telah menghadiri lebih lima temu duga secara bersemuka.

"Saya memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Tiga dalam jurusan automotif. Apabila ditawarkan pekerjaan, saya lihat skop kerja tidak sama seperti kelulusan yang saya miliki.

"Selain itu, gaji yang ditawarkan juga tidak setimpal dengan kos sara hidup semasa terutamanya untuk lokasi pekerjaan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Bagaimana hen-

dak bekerja dengan tenang jika tenaga dikerah tanpa bayaran yang sepatutnya?

"Saya bukan hendak memilih, tapi sekurang-kurangnya tawarkan kerja yang bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki. Setidak-tidaknya saya boleh menimba ilmu dan pengalaman kerja berkaitan sebagai nilai tambah kerja pada masa depan," katanya.

#### KERJA SAMBILAN DI KAFE

Nasib sama menimpa seorang lepasan politeknik di Kota Bharu, Kelantan yang mengambil keputusan bekerja sambilan selepas gagal temu duga untuk jawatan Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Nur Anis Ishak, 24, lulusan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berkata, keputusan itu terpaksa diambil bagi mendapatkan sumber kewangan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada keluarga.

"Tahun lalu saya ada menghadiri temu duga, namun rezeki tidak berpihak kepada saya selepas gagal dalam sesi tersebut. Keputusan itu membolehkan saya mengambil keputusan untuk bekerja sambilan di sebuah kafe.

"Apa pun saya berharap akan mendapat pekerjaan tetap suatu hari nanti, memandangkan baru-baru ini saya juga menghadiri temu duga Pegawai Penjara," katanya ketika ditemui semalam.

Dalam pada itu, pemegang Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis



**MUHAMMAD Fakhri Syazwan Mohd. Samsol** bekerja sebagai penghantar makanan selepas lebih lima kali hadiri temu duga.  
-UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

**"Saya bukan hendak memilih, tapi sekurang-kurangnya tawarkan kerja yang bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki."**

**MUHAMMAD FAKHRI SYAZWAN MOHD. SAMSOL**

dan Seni Reka, Nur Farah Mohd. Fauzi, 28, memberitahu, dia masih belum mendapat pekerjaan tetap dalam bidang pengajiannya.

Katanya, disebabkan peluang itu agak tipis dia terpaksa lari daripada bidang pengajian dan bekerja sebagai kakitangan pengu-  
rusan di sebuah syarikat swasta.

"Saya sememangnya berhasrat untuk bekerja di bidang yang sama ketika belajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, namun masih belum dipanggil menghadiri sebarang temu duga," jelasnya.

#### TAWAR HATI MOHON KERJA BIDANG DIPELAJARI

Sementara itu impian menyertai perkhidmatan awam atau pekerjaan sesuai dengan gaji setimpal serta jaminan masa

depan kini bukan lagi keutamaan segelintir graduan selepas menamatkan pengajian masing-masing berikutan peluang pekerjaan yang semakin kurang.

Keadaan itu menyebabkan sebahagian besar mereka terutama daripada keluarga miskin tidak lagi mampu memenuhi azam untuk mengubah nasib keluarga dan diri sendiri setelah terpaksa melakukan pekerjaan yang berbeza dengan bidang pengajian.

Mohamad Azir Mohd. Radzi, 28, siswazah Pengurusan Rekod, Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkata, dia serik untuk memohon kerja melalui perkhidmatan awam kerana daripada empat kali memohon, hanya dua kali dipanggil temu duga.

"Tak tahu mana silapnya sistem pengambilan pekerja kementerian atau jabatan terbabit kerana terlalu sukar untuk memberi peluang kepada siswazah seperti kami berkhidmat.

"Apa yang dinilai pun tidak dinyatakan, tetapi setiap kali menghadiri temu duga alasan yang diberikan adalah mereka perlukan orang yang mempunyai pengalaman bekerja sedangkan kami yang baru sahaja tamat pengajian tidak diberi peluang," katanya.

Kini Mohamad Azir, anak ketiga daripada empat beradik yang tamat pengajian pada 2018 itu terpaksa bekerja di sebuah pasar raya kerana perlu mencari wang membantu keluarga keluar daripada kemiskinan.

Derita sama dikongsi seorang

lagi lepasan UiTM dalam bidang Teknologi Makanan, Nurul Nabila Othman, 26, apabila tidak sekali pun ditawarkan berkhidmat walaupun daripada tiga permohonan, pernah sekali dipanggil ke sesi temu duga.

"Saya juga seperti rakan lain yang kecewa apabila gagal menjawab jawatan yang bersesuaian dengan bidang pengajian, sebaliknya beralih bekerja sebagai pembantu jualan di sebuah pasar raya.

"Sejak itu saya tidak pernah lagi memohon sebarang kerja 'kerajaan' kerana beranggapan kalau minta pun sudah tentu tidak dapat, tambahan umur pun sudah meningkat sekarang," katanya yang tinggal di Taman Kempas, di sini.

Kata Nurul Nabila, dia kini ingin menumpukan perhatian kepada kerjanya yang sedia ada kerana selain memperoleh pendapatan tetap, dia enggan lagi memasang 'angan-angan' bekerja dalam bidang perkhidmatan awam seperti dahulu yang pernah diidam-idamkannya.

Sementara itu, Mohd. Farid Mohd. Khalid, 27, berkata, selepas tiga kali gagal dalam temu duga yang disertai sebaik sahaja menamatkan pengajian di sebuah universiti di selatan tanah air pada 2019, dia memilih untuk bekerja sendiri bagi mencari pendapatan.

"Saya anak sulung daripada lima beradik dan sudah tentu mempunyai tanggungjawab besar untuk mencari pendapatan membantu menyara keluarga.

## Aplikasi interaktif bantu amali, praktikal pelajar TVET

BIDANG Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) antara yang menjadi perhatian dalam belanjawan setiap tahun dalam usaha memperkasakan segmen pendidikan berkenaan.

Terbaharu, bagi memperkasakan lagi bidang berkenaan, penyelidik dari Universiti Utara Malaysia (UUM) membangunkan inovasi *Automotive case-based workplace simulation* (AutoCBOS).

Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Nurulwahida Azid @ Aziz berkata, pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan UUM mengambil inisiatif mencipta produk inovasi pengajaran bagi bidang TVET melalui aplikasi interaktif dijenamakan sebagai AutoCBOS.

"AutoCBOS berperanan membantu proses pembelajaran amali dan praktikal pelajar kolej vokasional bidang Teknologi Automatif bagi meningkatkan *soft skills* selari dengan kehendak industri automotif.

"Covid-19 banyak mengajar kita bahawa pendidikan melibatkan praktikal memerlukan alat pembelajaran yang berimpak bagi kelangsungan pembelajaran TVET di kolej vokasional," katanya.

Lebih membanggakan, inovasi itu turut berjaya merangkul pingat emas pada *International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition* (IPITEx 2023), di Thailand, baru-baru ini.

Kejayaan berganda apabila memperoleh dua lagi anugerah khas dari *World Invention Intellectual Property Associations* (Taiwan) dan *Korea Invention Promotion Associations* (Korea Selatan).

Menurutnya, acara yang dianjurkan oleh *National Research Council of Thailand (NRCT) Ministry of Higher Education, Science, Research and Innovation* dihadiri 24 negara yang mempamerkan sebanyak 469 produk inovasi dalam pelbagai bidang.

"Saya teruja di atas

kemenangan ini, selain dapat membantu pelajar kolej vokasional dan bidang TVET menguasai kemahiran dan pengetahuan melalui 'automotive industrial case-based simulation'," luahnya yang juga ahli *Malaysian Invention and Design Society* (MINDS).

### KURIKULUM DIGITAL

AutoCBOS dihasilkan melalui geran Kecemerlangan Konsortium Penyelidikan (KKP).

*Industrial case-based simulation* itu merupakan sebahagian hasil penyelidikan *Digital Curriculum: TVET Future Learning Consortium*.

"AutoCBOS dibina berdasarkan *backward design model* bagi membangunkan digital kurikulum berasaskan tiga kursus automotif yang selari dengan hasil pembelajaran kursus.

"Terdapat dua industrial automotive cases secara digital bagi setiap kursus teknologi automotif. Hasil pandangan pembina kurikulum (*curriculum developer*), pelaksana kurikulum (*curriculum implementer*) dan industri automotif diambil kira berdasarkan

data kajian yang ditemui melalui kajian ini," ujarnya lagi.

Keseluruhannya pandangan dari 39 industri automotif seluruh Malaysia menyokong usaha penyelidik UUM dalam membangunkan AutoCBOS yang berperanan menyuntik kemahiran berfikir (analitikal, kreatif dan praktikal) dan kecenderungan pembelajaran (*heutagogi*, *paragogi* dan *sibergogi*) melalui penyelesaian masalah automotif.

Dengan kejayaan ini beliau berhasrat menghasilkan lebih banyak 'digital curriculum' pada masa depan bagi merangsang pemikiran kritikal dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan 'young skills workers' dalam bidang TVET yang bermatlamat untuk melahirkan graduan yang mampu meningkatkan prestasi lebih cemerlang dalam bidang teknologi automotif.



**NURULWAHIDA** bersama sebahagian daripada anugerah diterima melalui kajian AutoCBOS.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: TEGUR KERAJAAN USAH SAMPAI RENDAHKAN MARTABAT MAHASISWA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 02/03/2023

## Tegur kerajaan usah sampai rendahkan martabat mahasiswa

Oleh Dr Nurul Nisha Mohd Shah  
dan Muhammad Iman Zulkifli  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah  
Universiti Teknologi  
MARA (UiTM),  
Kampus Rembau

'Lampu hijau' diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada mahasiswa untuk menegur kerajaan tanpa mencerca, ucapan bersifat perkauman atau fahaman agama melampau tentunya bertujuan melahirkan mahasiswa mempunyai daya fikir kritis dan kritikal, sekali gus menjadikan institusi pendidikan sebagai platform terbaik bagi percambahan idea serta pertukaran pendapat.

Namun, adakah golongan itu bersedia menjadi 'mata dan telinga' jujur beramanah lagi bertanggungjawab memberikan idea atau hanya melontarkan emosi apabila keinginannya tidak dipenuhi?

Hakikatnya, pembangunan bergantung kepada kualiti generasi muda menerajui kepemimpinan sesuatu bangsa. Jika diterajui pihak berpegang teguh prinsip kepemimpinan berintegriti, maka akan wujud masyarakat jujur, amanah, bertanggungjawab dan mempunyai nilai murni.

Bagi tujuan itu, mahasiswa sebagai generasi muda memerlukan sifat kepemimpinan yang dapat disimpulkan sebagai proses pengarahkan tingkah laku orang lain ke arah penyempurnaan sesuatu objektif.

Proses pengarahkan pula dapat diertikan sebagai individu bertindak mengikut cara tertentu atau mengikut sesuatu seperti dasar, organisasi, tatacara dan deskripsi kerja.

Kepemimpinan adalah keupayaan atau kebolehan untuk mengarahkan individu dalam satu kumpulan bagi melaksanakan sesuatu perkara atau mencapai objektif ditetapkan.

Maka, apabila kita menyebut mengenai keupayaan, pasti terkait kepada kecerdasan dikurniakan kepada

manusia. Bagi mengasah karakter pemimpin dalam diri maka kecerdasan ini perlu dibangunkan dan setiap mahasiswa perlu sedar kewujudan kecerdasan ini.

Setiap manusia memiliki kecerdasan berbeza bagi membolehkan mereka membangunkan potensi diri untuk menjadi insan cemerlang di samping menempuhi cabaran demi kelangsungan hidup masa hadapan sebagai seorang pemimpin terbaik.

### Bangunkan kecerdasan

Mahasiswa sebagai manusia memiliki pelbagai potensi perlu sedar hal ini dan berusaha membangunkan kecerdasan dalam diri masing-masing kerana ia amat membantu membentuk sifat kepemimpinan cemerlang. Penyertaan mereka dalam aktiviti kelab dan persatuan amat membantu mengaktifkan kecerdasan ini.

Mahasiswa aktif sebagai sukarelawan universiti bukan sahaja dapat melatih kemahiran diri bahkan menyumbang tenaga dan kepakaran mereka dalam program dijalankan.

Selain itu, sebagai seorang pemimpin,

mahasiswa perlu memiliki kecerdasan emosi supaya dapat membuat keputusan dalam keadaan rasional dan waras. Mereka tidak boleh terbawa-bawa dengan perasaan sendiri dan sentiasa memikirkan kepentingan organisasi serta masyarakat.

Kecerdasan emosi yang tinggi ini mampu melahirkan banyak sifat kepemimpinan positif seperti percaya diri, memiliki kekuatan dan ketahanan mental dan fizikal, bersemangat, rasa tanggungjawab dan paling penting memiliki empati serta hubungan baik sesama insan.

Apabila peluang dibuka kepada mahasiswa untuk menjadi pengkritik kepada kerajaan, adakah mereka mempunyai petunjuk kecerdasan ini sebagai persediaan memberikan kritikan membina demi masa hadapan negara?

Justeru setiap mahasiswa perlu sedar prinsip kepemimpinan baik dan efektif untuk menjadi insan memiliki idea dan jiwa berwibawa untuk memberi manfaat kepada diri, masyarakat dan negara.



SINAR HARIAN • SELASA 7 MAC 2023

NASIONAL 13

# TVET penting untuk masa depan orang muda

**A**hli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Chua Wee Kiat berpandangan bahawa program latihan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) penting kepada rakyat di negara ini. Beliau berpendapat ia adalah penyelesaian terbaik kepada

generasi muda yang tidak meminati bidang akademik. Justeru, beliau meminta agar kerajaan memberikan tumpuan yang lebih banyak terhadap usaha memperkasa TVET. Ikuti wawancara wartawan Sinar Harian, **IZWAN ROZLIN** bersama Wee Kiat, baru-baru ini.



ILUSTRASI OLEH : SYED MOHD BADRIL HISHAM/EPIC

**SINAR HARIAN:** Apakah masalah paling besar bagi masyarakat di Rawang yang menjadi keutamaan untuk diselesaikan dalam masa terdekat?

**WEI KIAT:** Ketika mula-mula menjadi ADUN Rawang, masalah paling mencabar ialah isu banjir kilat dan kesesakan lalu lintas kerana ia merupakan masalah yang tidak selesai buat sekian lama.

Namun, dalam tempoh lima tahun saya telah berusaha untuk menyelesaikan isu ini dan berjaya mengubah persepsi orang ramai mengenai Rawang.

Kerajaan Pusat akan menaik taraf jalan utama Rawang iaitu Jalan FT 3209 dan kerajaan negeri Selangor juga akan dinaik taraf untuk jalan B27.

Apabila dua projek itu dapat disiapkan maka isu kesesakan trafik akan selesai. Tahun ini akan bermula kerja-kerja pelebaran jalan Rawang Tin (pusat bandar) sehingga berhampiran simpang Plaza Tol Rawang.

Jalan akan menjadi lebih lebar dan jejambat akan dibina dengan kos keseluruhan bernilai RM223 juta. Kerja pembinaan akan bermula Julai ini dan dijangka siap dalam masa tiga tahun.

**Bagaimana usaha yang diambil bagi memastikan perkara yang menjadi tumpuan ini dapat dicapai?**

Sebagai wakil rakyat kita harus fokus hal-hal kawasan termasuk perlu turun ke bawah berjumpa dengan rakyat baru kita

**AGENDA YB**

tahu apa yang rakyat mahukan. Bila sudah tahu masalah, kita bawa suara mereka untuk kerajaan teliti dan untuk selesaikan satu persatu.

Apa yang berlaku sebelum ini ialah kerajaan ada peruntukan besar tapi wakil rakyat tidak diberitahu, sekali gus tidak menyelesaikan masalah rakyat secara keseluruhan.

**Selain daripada tumpuan utama YB di Rawang, adakah ada lagi isu-isu lain yang memerlukan sokongan penuh daripada pihak kerajaan?**

Perkara utama yang perlu diberi perhatian di Rawang ini sebenarnya melibatkan isu pendidikan sebab kawasan ini dikategorikan sebagai kawasan luar bandar. Saya juga dapati ramai anak-anak tidak berminat untuk pergi ke sekolah.

Apa yang saya lihat kerajaan lebih fokus kepada sains dan teknologi serta kurang memberi tumpuan kepada program latihan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Kerajaan kena kaji kenapa mereka tidak suka mata pelajaran sedia ada. Setiap orang mempunyai minat dan kelebihannya masing-masing. Oleh itu, saya yakin latihan vokasional adalah penyelesaian terbaik bagi mereka yang tidak cenderung dalam bidang sains, matematik dan sebagainya.

Kita perlu menarik mereka supaya mereka berada di landasan yang betul mendapat pendidikan sewajarnya mereka dapat masa depan yang cerah.

## PROFIL

**Nama :** Chua Wei Kiat  
**Asal :** Kuala Lumpur  
**Status :** Bujang  
**Kelulusan :** Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan Pasaran

**Jawatan :**  
• Penyelaras Media Keadilan (2009)  
• Naib Ketua Ahli Muda Keadilan (AMK) Batu Caves  
• Ketua AMK Selayang

Saya sedang usahakan kerjasama dengan pemain industri seperti Carsome, kolej komuniti dan institusi berasaskan TVET supaya mereka datang ke Rawang dan memberi informasi tepat tentang TVET.

Kita kena tahu apa yang pelajar minat, baik pelajar aliran seni mahu pun sains, kita tidak boleh paksa pelajar ikut kita tetapi kita harus kaji apa yang mereka minat.

Sebagai contoh, di Rawang banyak pelajar berlatar belakang keluarga B40, jadi persoalannya ialah usaha kita untuk wujudkan minat mereka untuk belajar.

**Rawang terkenal dengan pelbagai tempat menarik terutama hutan lipur dan air terjun, bagaimana YB melihat potensi yang ada bagi sektor pelancongan di kawasan ini?**

Saya sedang berusaha memastikan tempat-tempat menarik untuk dikunjungi di Rawang sentiasa dipromosikan.

Ini termasuk kerjasama dengan Kementerian Pelancongan dalam memastikan Rawang menjadi sebahagian agenda pelancongan negara.

Sebagai contoh, kita ada Rawang Bypass yang melalui kawasan hutan semula jadi yang menjadi simpanan pokok-pokok yang unik di Malaysia.

Terbaru, kita akan bangunkan industri batik yang diusahakan oleh golongan muda di kawasan Rawang.

Ini merupakan antara sebahagian daripada usaha kerajaan negeri menaikkan ekonomi penduduk setempat dengan memperkasakan industri batik.

**Bagaimana anak muda di Rawang boleh memberi sumbangan mereka dari sudut idea atau tenaga kerja. Adakah ada platform untuk mereka terlibat secara langsung atau tidak langsung?**

Saya antara penggerak yang menubuhkan Pertubuhan Sukarelawan Rawang. Pertubuhan ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada generasi muda untuk melontar idea mereka.

Ini termasuk proses membuat kertas kerja program-program khusus yang boleh dilaksanakan yang boleh menjana pendapatan di samping mengadakan program-program bersifat komuniti.

Ini bukan sahaja dapat menyatukan masyarakat bahkan juga dapat melahirkan pemimpin pelapis pada masa akan datang.

Baru-baru ini, sempena sambutan Tahun Baru Cina, kita telah anjurkan Karnival Rawang dan dapat mengumpulkan 70 usahawan dengan kehadiran orang ramai sekitar 6,000 hingga 7,000.

**Isu pengangguran dalam kalangan lepasan institut pengajian tinggi (IPT) masih tinggi, ia memerlukan satu penyelesaian konkrit daripada pelbagai pihak. Pada pandangan YB apakah langkah-langkah bagi menyelesaikan isu ini?**

Kalau ikut kajian tahun lepas, generasi menganggur adalah anak-anak muda.

Walaupun mereka mempunyai ijazah sarjana muda atau diploma namun tiada jaminan gaji selepas mendapat kerja setara dengan kelulusan yang diperoleh.

Sebab itu di zaman sekarang yang mana kos sara hidup memakan kos yang tinggi, lepasan universiti lebih berminat untuk bekerja dengan syarikat pengendali e-hailing.

Memang benar mereka boleh dapat gaji besar tapi itu tidak menjamin masa depan. Kestabilan politik yang wujud sekarang ini diharap dapat membantu menarik pelabur bertapak dalam negara dan akhirnya dapat memberi pekerjaan kepada graduan dengan gaji yang setimpal.




Wee Kiat menyerahkan bantuan kepada penduduk di kawasan terjejas ketika berlaku banjir kilat di Rawang baru-baru ini.

dengan kemahiran melukis. Hanya dengan tangan yang hidup kita dapat melukis dan menzhahirkan idea secara spontan.

Dengan menjadikan nota visual dalam proses pembelajaran maka diharapkan pencapaian akademik pelajar akan menjadi lebih cemerlang. Juga menjadi pemangkin perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang nota visual layari laman web : ideavisual.my ataupun lawat Page FB - Lukis + Nota Belajar.



Guru dan pelajar boleh terlibat sama dalam proses pembelajaran di dalam kelas apabila menggunakan nota visual kerana memenuhi ketiga-tiga kecenderungan gaya belajar pelajar (visual, audio/verbal dan kinestetik)

## Alya Yasmin, Muhammad Zulainnor cemerlang di Politeknik Kota Kinabalu

DUA graduan Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan iaitu Alia Yasmin Sulhie dan Muhammad Zulainnor Zulkefli muncul sebagai pelajar cemerlang Politeknik Kota Kinabalu (PKK) yang melayakkan mereka mendapat Basiswa Yayasan PKT dari PKT Logistics Group Sdn. Bhd. masing-masing bernilai RM80,000.

Kedua-duanya juga ditawarkan untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan Maritim dan Logistik di Peninsula

College.

Dua pelajar berkenaan adalah antara 1,476 graduan yang diraikan pada Konvokesyen Politeknik Kota Kinabalu (PKK) Ke-27 baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada pelajar pelbagai bidang antaranya Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Perdagangan serta Pelancongan dan Hospitaliti.

Turut disampaikan pada majlis ini ialah Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Peringkat Diploma, Anugerah Khas

Pertandingan, Anugerah Khas Industri,

Anugerah Khas Sukarelawan dan Anugerah Pengarah yang dianugerahkan kepada para pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum secara menyeluruh.

Turut disampaikan ialah Anugerah Khas Rakan Industri yang bertujuan mengangkat dan memberi pengiktirafan kepada industri khususnya di Negeri Sabah dan graduan PKK yang sedang bekerja dengan cemerlang di sektor industri.

Majlis itu di serikan lagi dengan kehadiran Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd Zahari Ismail.

Dalam ucapannya, Dr. Mohd Zahari melahirkan rasa bangga atas pencapaian cemerlang graduan serta kegigihan dan iltizam untuk menamatkan pengajian dengan jayanya.

Ujar beliau kejayaan yang dicapai oleh para graduan itu merupakan aset negara dalam mendepani cabaran Revolusi Industri (IR4.0) membabitkan teknologi automasi, komunikasi dan

digital.

Beliau turut menekankan bahawa graduan perlu tampil berani dan bijaksana dalam mendepani cabaran yang mendatang dengan tidak terlalu bersikap memilih pekerjaan, sebaliknya mampu bersaing dan sentiasa berupaya mencipta dan mempunyai nilai tambah yang diperlukan oleh majikan masa kini dan mempunyai keyakinan diri untuk menceburi bidang keusahawanan.

Beliau berharap warga PKK terus komited dalam melaksanakan Transformasi Pendidikan Negara khusus ke arah mengurus perdanakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi memastikan keperluan tenaga kerja berkemahiran tinggi dapat dihasilkan.

Para pensyarah juga katanya, wajar bersedia menghadapi perubahan dari segi kaedah bekerja dan berkolaborasi dengan pelbagai pihak untuk menjayakan proses transformasi seterusnya menjadi ikon kepada pelajar yang merangkumi ciri-ciri holistik, keusahawanan dan pemikiran seimbang, nilai-nilai murni dan perilaku mulia selaras dengan teras pertama dalam Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam yang menyentuh keupayaan bakat individu.



ALIA Yasmin Sulhie (tengah) menerima replika cek penajaan pada Konvokesyen Politeknik Kota Kinabalu (PKK) Ke-27 baru-baru ini.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT PINDA AUKU BAGI PERKASA GERAKAN MAHASISWA

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 17

TARIKH : 17/03/2023

Harian Metro | Selasa 14.03.2023

@hmetromy f HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my

17

lokal

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang melakukan pindaan terhadap Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 bagi memperkasakan gerakan mahasiswa di negara ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal** berkata, pindaan itu antara lain memberi kebebasan kepada mahasiswa untuk berpolitik termasuk menjadi ahli serta calon kepada mana-mana parti politik.

"Di samping itu juga, mereka (mahasiswa) diberikan tanggungjawab penuh berhubung kait gerakan maha-

## KPT pinda Auku bagi perkasa gerakan mahasiswa

siswa di IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) dan IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta) selain urusan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan **Chow Yu Hui (PH-Raub)** berkenaan autonomi kepada mahasiswa pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Pada masa yang sama, Mohammad Yusof berkata, KPT kini sedang membentukkan satu jawatankuasa khas yang akan bertanggungjawab membuat semakan dan

kajian secara mendalam ke atas dasar-dasar pendidikan tinggi nasional.

Beliau berkata, matlamat dan mandat utama jawatankuasa itu adalah untuk melihat kekurangan, kelemahan dan kekuatan dasar sedia ada dan seterusnya memberikan saranan serta pandangan mereka.

"Dasar-dasar yang dilihat sudah tidak relevan, akan dihentikan. Dasar-dasar yang dilihat lemah akan ditambah baik dan diperkemas. Pada masa yang sama, dasar-dasar baharu

yang dilihat relevan dan perlu berdasarkan cabaran dan perkembangan semasa, akan dicadangkan.

"Semua ini bertuju-



MOHAMMAD Yusof

an memastikan pada peringkat dasar dan polisi, kita mempunyai hala tuju dan pendirian yang jelas, kemas dan terbaik," katanya.

Menurut Mohammad Yusof, keahlian jawatankuasa pula akan memabitkan tokoh dalam pendidikan tinggi dan tokoh terkemuka industri yang boleh menyumbang idea serta buah fikiran yang bernas secara holistik bagi meningkatkan kualiti dan prestasi penyampaian pendidikan tinggi.

Katanya, jawatankuasa berkenaan akan di-

peruntukkan masa tiga bulan untuk mengemukakan dapatan dan saranan penambahbaikan yang bakal menjadi asas pembangunan pelan induk pendidikan tinggi negara.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan asal **Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota)** yang bertanyakan tentang langkah-langkah yang dilaksanakan kerajaan untuk merealisasikan reformasi pendidikan dalam kalangan institut pengajian tinggi di negara ini. - Bernama

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON  
TAJUK: KPT WUJUDKAN JAWATANKUSA KHAS KAJI DASAR PENDIDIKAN  
TINGGI

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 09

TARIKH : 14/03/2023

## KPT wujudkan jawatankuasa khas kaji dasar pendidikan tinggi

SINAR HARIAN KUALA LUMPUR 14/3/2023 M29

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kini sedang membentuk satu jawatankuasa khas yang akan bertanggungjawab untuk membuat semakan dan kajian secara mendalam, terperinci serta objektif ke atas dasar-dasar pendidikan tinggi nasional.

Timbalan Menteri, Datuk Mohd Yusof Apdal berkata, mandat dan matlamat utama jawatankuasa ini adalah untuk melihat kekurangan dan kelemahan serta kekuatan dasar-dasar sedia ada dan seterusnya memberikan saranan serta pandangan mereka.

Mohd Yusof yang juga Ahli Parlimen Lahad Datu berkata, keahlian jawatankuasa melibatkan tokoh-tokoh dalam pendidikan tinggi dan terkemuka industri yang boleh menyumbang idea dan buah fikiran yang bernas secara holistik bagi meningkatkan kualiti dan prestasi penyampaian pendidikan tinggi.

"Jawatankuasa ini akan diperuntukkan masa tiga bulan untuk mengemukakan dapatan dan saranan penambahbaikan yang bakal menjadi asas pembangunan pelan induk pendidikan tinggi negara kita.

"Dasar-dasar yang dilihat sudah tidak relevan akan dihentikan, manakala yang dilihat lemah akan ditambah baik dan diperkemas.

"Pada masa yang sama, dasar-dasar baharu yang dilihat relevan dan perlu berdasarkan cabaran dan perkembangan semasa akan dicadang-

kan," katanya ketika menjawab pertanyaan **Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota)** yang meminta kementerianya menyatakan langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk merealisasikan reformasi pendidikan di kalangan institut pengajian tinggi di negara ini.

Sementara itu, menjawab usul tambahan dibawa **Chow Yu Hui (PH-Raub)** pada sesi kamar khas yang mengemukakan usul agar Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di universiti awam dimansuhkan bagi memberikan lebih autonomi kepada mahasiswa, Mohamad Yusof berkata, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkannya.

"Ia memainkan peranan yang sangat penting terutamanya berhubung pembangunan mahasiswa," jelas beliau.

Katanya, walaupun segala aktiviti dan pergerakan mahasiswa diuruskan oleh mahasiswa sendiri, HEP masih mempunyai mandat dan tanggungjawab lebih besar.

"Tugas hakiki mereka bukan sahaja untuk menguruskan perkara-perkara bersifat mikro sebaliknya antara lain menumpukan kepada pembangunan mahasiswa, membuka jaringan kerjasama dengan masyarakat dan industri dan merancang strategi meningkatkan kebolehpasaran graduan," ujarnya.

Menurutnya, sehingga kini universiti cemerlang terkemuka dunia masih mengekalkan HEP walaupun pelajar mempunyai kebebasan penuh.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT MAHU BUKA RUANG PELAJAR BERPOLITIK

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 06

TARIKH : 14/03/2023

SIDANG  
DEWAN RAKYAT



utusan M21a 14/3/23 ms 6  
**KPT mahu buka ruang  
pelajar berpolitik**

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pertimbangkan perubahan di bawah Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) untuk membenarkan pelajar berpolitik.

Menjawab soalan Chow Yu Hui [Raub-PH], Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal memberitahu, KPT komited dalam memastikan kuasa mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) diperkasakan.

"KPT telah membuat perubahan dan penambahbaikan terutama yang berhubung kait dengan memperkasakan mahasiswa dan mahasiswi kita di IPTA kita khususnya di mana terletaknya seperti apa yang termaktub dalam AUKU.

"Kita telah buat beberapa perubahan dan kita juga se-

dang berusaha untuk kita buat satu lagi perubahan di bawah Seksyen 15 yang berhubung kait dengan urusan kewangan mereka termasuk untuk mereka berpolitik secara bebas.

"Ini bermakna mereka boleh menganggotai parti politik dan mereka boleh menjadi calon. Di samping itu juga, mereka diberikan penuh tanggungjawab berhubung gerakan-gerakan mahasiswa di IPTA," katanya.

Terdahulu, Yu Hui berkata, salah satu reformasi pendidikan tinggi adalah mengembalikan kuasa autonomi kepada mahasiswa.

Beliau kemudian bertanya jumlah IPTA yang telah mengembalikan kuasa kepada mahasiswa untuk mengadakan pilihan raya kampus dan bukan bahagian hal ehwal pelajar (HEP).

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON  
TAJUK: KPT WAJAR PANTAU KEADAAN UNIVERSITI KELOLAANNYA  
SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13  
TARIKH : 21/03/2023

## KPT wajar pantau keadaan universiti kelolaannya

Ataj,  
Shah Alam

Saya sudah lama menjadi pesakit yang mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di Kuala Lumpur, iaitu sejak bersara pada 2007. Sebelum ini, saya mendapat rawatan di Pusat Pakar Perubatan Universiti Malaya (UMSC).

Tidak banyak beza di antara UMSC dan PPUM. Doktor pakar UMSC juga bertugas di PPUM, malah sebagai tenaga pengajar. Apa yang mungkin berbeza, UMSC mengenakan bayaran seperti hospital swasta, manakala PPUM memberi rawatan percuma kepada pesara kerajaan dan tanggungan mereka, manakala pesakit lain dikenakan sedikit bayaran.

Disebabkan isteri saya seorang pesara kerajaan, saya mendapat rawatan percuma di PPUM dan saya amat berpuas hati dengan perkhidmatan perubatan yang disediakan.

Namun, semuanya berubah selepas berlakunya pandemik COVID-19. Kalau dulu seseorang pesakit jantung boleh membuat janji temu untuk menemui pakar kardiologi setiap empat atau enam bulan, kini ia dihadkan setahun sekali.

Sayangnya, jika anda dapat pun janji temu itu, tidak semestinya pesakit menemui doktor pakar, mungkin seorang pegawai perubatan yang mengi-

kuti kursus sarjana perubatan dalam bidang kepakaran berkenaan.

Kalau hendak juga menemui doktor pakar yang selalu pesakit temui secepat mungkin, terpaksa membuat janji temu di UMSC. Tentu saja masa menunggu tidak lama tetapi bersedialah untuk membayar kos yang tinggi.

Sebagai seorang warga emas, selain penyakit

 Saya belum atau mendengar dalam media, langkah yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan di hospital bawah kawal selia KPT 

jantung saya juga mendapatkan rawatan di PPUM untuk masalah respiratori. Kali terakhir saya menemui doktor respiratori ialah setahun yang lalu.

Janji temu berikutnya pada 17 Mac lalu. Malangnya, ketika tiba di sana saya dimaklumkan klinik dibatalkan kerana tidak ada doktor.

Mustahil tidak ada seorang doktor pun. Kerani di kaunter memberitahu saya pembatalan klinik itu dimaklumkan kepada saya pada Februari lalu melalui sistem pesanan ringkas (SMS), tetapi saya tidak menerimanya.

Saya akur dan cuba untuk membuat janji temu baharu, mungkin dalam minggu depan atau bulan depan. Sebaliknya saya diberikan tarikh November nanti, lapan bulan dari sekarang!

Saya faham PPUM bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan (KKM), sebaliknya Kementerian Pendidikan tinggi (KPT). KKM kini sedang giat menyelesaikan masalah kesesakan dan kekurangan doktor serta kakitangan lain di hospitalnya.

Namun, saya belum atau mendengar dalam media, langkah yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan di hospital di bawah kawal selia KPT.

Sudah sampai masanya KPT turun melihat keadaan di universiti bawah kelolaannya.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

# KPT iktiraf pencapaian mahasiswa

Anugerah Tokoh Siswa 2022 hargai sumbangan, kecemerlangan penuntut IPT

SHAH ALAM

Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2022 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berlangsung pada Isnin, menyaksikan sebanyak 20 anugerah dipertandingkan merangkumi kategori kepimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan dan kebudayaan termasuk anugerah utama iaitu Anugerah Menteri Pendidikan Tinggi.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, di Dewan Za'ba KPT.

Majlis penganugerahan kali ke-8 itu merekodkan sebanyak 916 penyertaan sekali gus menunjukkan peningkatan penyertaan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Anugerah Tokoh Siswa merupakan



Mohamed Khaled (tengah) bersama tetamu kehormat pada majlis Anugerah Tokoh Siswa 2022.



Mohamed Khaled mahu mahasiswa mendapat pendidikan terbaik daripada tenaga pengajar berkualiti.

anugerah berprestij bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian mahasiswa sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

Ia selaras dengan hasrat Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPMP(PT)) 2015-2025 untuk melahirkan graduan yang kompeten dan holistik.

Mohamed Khaled dalam ucapannya berkata, majlis penganugerahan itu diadakan khusus bagi menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan mahasiswa dalam pelbagai bidang merangkumi akademik, sahsiah dan kokurikulum.

"Kita mahu mengiktiraf secara terus dan memberi galakan kepada mahasiswa yang telah mempamerkan

kecemerlangan kepimpinan melalui penglibatan secara langsung dalam pembangunan sahsiah sekali gus menyumbang kepada penyerlahan potensi diri.

"Inilah masa untuk kita mengangkat dan meneladani bakat serta pencapaian bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam disiplin kesukanan, kebudayaan, kesukarelawanan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam dan lain-lain lagi," katanya dalam satu kenyataan media, pada Selasa.

Jelasnya, penglibatan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti dan juga program pembangunan insaniah ke arah pencapaian anugerah ini juga berupaya membentuk etika dan rohani, menerapkan nilai kasih-sayang, hormat-menghormati serta meningkatkan tahap integrasi dan perpaduan nasional dalam kalangan mahasiswa.

Justeru itu katanya, pemberian anugerah ini diharap dapat mengiktiraf serta menonjolkan tokoh-tokoh mahasiswa yang berperibadi mulia, mempunyai kompetensi diri yang tinggi serta menjadi ejen penyumbang kepada masyarakat, negara dan dunia.

"Menjadi mandat dan tugas kami di pihak kementerian untuk memastikan mahasiswa mendapat pendidikan terbaik daripada tenaga pengajar yang paling berkualiti.

"Kementerian juga berperanan memberikan segala ruang dan peluang untuk mahasiswa mendapat pengalaman hidup yang diperlukan dalam meniti kedewasaan.

"Ini mandat dan tugas saya bersama kementerian akan pikul dengan penuh iltizam untuk memastikan tiga hingga empat tahun kehidupan kalian di bawah seliaan KPT, menjadi tahun-tahun yang bermakna dalam hidup.

"Kami pegang (komitmen) tanpa bersikap apologetik dan berdolal-dalik. Namun apa yang penting, kalian (para mahasiswa) harus memainkan peranan," kata Mohamed Khaled.



Mohamed Khaled (lima dari kiri) menyerahkan trofi, sijil penghargaan dan wang berjumlah RM3,000 kepada penerima Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan 2022, Mifzal Salihin dari Universiti Malaya.



Penerima-penerima Anugerah Tokoh Siswa 2022 bergambar dengan Mohamed Khaled dan tetamu kehormat lain selepas sesi penganugerahan di Dewan Za'ba KPT, pada Isnin.

# 60 syarikat besar sedia bantu biaya projek rakyat, TVET

**Bantuan disalurkan menerusi pelbagai pendekatan**

Oleh Suzalina Halid,  
Latifah Ariffin dan  
Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 60 syarikat gergasi bersetuju membantu kerajaan untuk menampung pembiayaan projek berkaitan ke-

pentingan rakyat, pendidikan serta program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara ini.

Mengesahkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata inisiatif berkenaan membabitkan pelbagai syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), yang memberi bantuan menerusi pelbagai pendekatan.

Beliau berkata, ia termasuk menerusi pengambilalihan, penyelenggaraan dan latihan menggunakan kos syarikat.

"Ada 60 syarikat, termasuk sya-

rikat multinasional yang diminta menampung, contohnya permintaan bagi TVET, termasuk Sunway Berhad dan Berjaya Corporation Berhad, selain syarikat yang terbabit dengan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACC-CIM).

"Kita minta mereka (syarikat) ini bantu secara langsung, sama ada projek rakyat miskin atau secara khusus bagi TVET kerana TVET ini melatih anak muda kita, Melayu dan Bumiputera untuk meningkatkan kemahiran bagi mendapat peluang pekerjaan

yang lebih baik dan upah atau gaji lebih tinggi," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

## Bantu rakyat miskin

Anwar menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PAS-Kubang Kerian) mengenai pembabitkan syarikat gergasi, terutama bagi membantu rakyat miskin.

Perdana Menteri berkata, syarikat lain yang terbabit dalam pembiayaan projek berkenaan adalah Telekom Malaysia (TM) dan Kumpulan Syarikat Albu-

khary yang secara spesifik menawarkan untuk membantu mengambil alih TVET di Pekan, Pahang dan Tanjung Malim, Perak.

Menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (PH-Rasah) berkenaan cukai sepatutnya digunakan untuk membantu golongan susah, Anwar berkata, pendekatan kerajaan kini berbeza dan syarikat besar diminta menyalurkan bantuan kewangan secara terus kepada golongan sasaran, bukan memberi sumbangan kepada parti politik atau individu perseorangan.

# Dalam Negeri



| KAWASAN                                                                                                               | BERBUKA | IMSAK |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|-------|
| <b>PERLIS</b>                                                                                                         |         |       |
| Seluruh Negeri Perlis                                                                                                 | 7.31    | 6.03  |
| <b>KEDAH</b>                                                                                                          |         |       |
| Zon 1: Kota Setar, Kubang Pasu, Pokok Sena                                                                            | 7.30    | 6.03  |
| Zon 2: Pendang, Kuala Muda, Yan                                                                                       | 7.29    | 6.03  |
| Zon 3: Padang Terap, Sik                                                                                              | 7.29    | 6.02  |
| Zon 4: Daerah Baling                                                                                                  | 7.27    | 6.02  |
| Zon 5: Daerah Kulim, Bandar Baharu                                                                                    | 7.29    | 6.03  |
| Zon 6: Langkawi                                                                                                       | 7.32    | 6.05  |
| Zon 7: Puncak Gunung Jerai                                                                                            | 7.33    | 5.58  |
| <b>PULAU PINANG</b>                                                                                                   |         |       |
| Seluruh Negeri Pulau Pinang                                                                                           | 7.30    | 6.04  |
| <b>PERAK</b>                                                                                                          |         |       |
| Zon 1: Tapah, Slim River, Tanjung Malim                                                                               | 7.26    | 6.00  |
| Zon 2: Ipoh, Batu Gajah, Kampar, Sg. Siput, Kuala Kangsar                                                             | 7.28    | 6.01  |
| Zon 3: Pengkalan Hulu, Gerik, Lenggong                                                                                | 7.27    | 6.01  |
| Zon 4: Temenggor, Belum                                                                                               | 7.26    | 5.59  |
| Zon 5: Teluk Intan, Bagan Datuk, Kg. Gajah, Seri Iskandar, Beruas, Parit, Lumut, Sitiawan, Pulau Pangkor              | 7.29    | 6.03  |
| Zon 6: Selama, Taiping, Bagan Serai, Parit Buntar                                                                     | 7.29    | 6.01  |
| Zon 7: Bukit Larut                                                                                                    | 7.32    | 6.01  |
| <b>SELANGOR</b>                                                                                                       |         |       |
| Zon 1: Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Selangor, Hulu Langat, Sepang                                                | 7.25    | 5.59  |
| Zon 2: Kuala Selangor, Sabak Bernam                                                                                   | 7.28    | 6.01  |
| Zon 3: Klang, Kuala Langat                                                                                            | 7.26    | 6.00  |
| <b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>                                                                                            |         |       |
| Kuala Lumpur dan Putrajaya                                                                                            | 7.25    | 5.59  |
| <b>MELAKA</b>                                                                                                         |         |       |
| Seluruh Negeri Melaka                                                                                                 | 7.23    | 5.57  |
| <b>NEGERI SEMBILAN</b>                                                                                                |         |       |
| Zon 1: Jempol, Tampin                                                                                                 | 7.22    | 5.56  |
| Zon 2: Jelebu, Rembau, Kuala Pilah                                                                                    | 7.23    | 5.57  |
| Zon 3: Seremban, Port Dickson                                                                                         | 7.24    | 5.58  |
| <b>KELANTAN</b>                                                                                                       |         |       |
| Zon 1: Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, Pasir Mas Tanah Merah, Machang, Kuala Krai, Gua Musang (Daerah Chiku) | 7.23    | 5.56  |
| Zon 2: Jeli, Gua Musang (Daerah Galas dan Bertam), Jajahan Kecil Lojing                                               | 7.25    | 5.58  |
| <b>TERENGGANU</b>                                                                                                     |         |       |
| Zon 1: Kuala Terengganu, Marang, Kuala Nerus                                                                          | 7.19    | 5.52  |
| Zon 2: Besut, Setiu                                                                                                   | 7.21    | 5.54  |
| Zon 3: Hulu Terengganu                                                                                                | 7.21    | 5.54  |
| Zon 4: Kemaman, Dungun                                                                                                | 7.19    | 5.53  |
| <b>PAHANG</b>                                                                                                         |         |       |

Elak jurutera berhijrah ke luar negara

# Naikkan gaji minimum graduan TVET wajar

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Cadangan menaikkan gaji minimum graduan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) wajar dilaksanakan bagi mengelakkan mereka berhijrah ke luar negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Liew Chin Tong berkata, pada masa ini graduan TVET menerima gaji minimum RM2,250 yang dianggap tidak sepadan dengan kemahiran mereka.

"Ini (gaji rendah) tidak boleh diterima. Sebab itu cadangan Timbalan Perdana Menteri (menaikkan gaji minimum TVET) baik dan harus dilaksanakan supaya lebih tinggi, kalau tidak jurutera akan berhijrah ke negara lain kalau gaji rendah," katanya dalam Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr. Ku Abd. Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu)



LIEW CHIN TONG

jika kerajaan merancang menaikkan gaji minimum RM3,000 (cadangan) yang disifatkan tidak praktikal memandangkan sekarang sudah berjumlah RM2,500.

Chin Tong sebelum itu memberitahu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pernah mengesyor supaya graduan TVET dibayar gaji sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan.

Dalam pada itu beliau berka-

ta, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau swasta terpilih dicadang mengambil alih pengurusan sebahagian institusi TVET supaya latihan dan pendidikan institusi tersebut memenuhi keperluan industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET.

"Semasa membentangkan Belanjawan 2023, Perdana Menteri mengesyorkan supaya model Penang Skill Development Centre (PSDC) digunapakai sebagai teladan. PSDC ditubuhkan dengan usahasama kerajaan negeri, industri dan badan pengurusan PSDC.

"Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga telah merangka Dasar Pelaburan Baharu Negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional bagi merencana agenda pelaburan nasional negara yang holistik, sekaligus meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan aliran masuk pelaburan ke dalam negara," katanya.

8

UTUSAN MALAYSIA  
KHAMIS • 23 MAC 2023

## Dalam Negeri

Oleh PROF. DATO' GS. TS. DR.  
MOHD EKHWAN HJ. TORIMAN  
Naib Canselor Universiti Kebangsaan  
Malaysia

**SUDAH** menjadi tanggungjawab Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk sentiasa merencanakan usaha pemantapan modal insan dalam kalangan graduan; meliputi aspek-aspek seperti intelek, rohani, emosi, dan jasmani supaya proses pembangunan mahasiswa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sendiri, lebih daripada 30 peratus daripada keseluruhan 31,000 pelajarnya adalah dari golongan B40.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dalam lawatan ke UKM pada 16 Mac 2023, telah menzahirkan keprihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa supaya sentiasa tersedia dan terpelihara.

### MENU SISWA RAHMAH BUKTI KPT CAKNA

Menu Siswa Rahmah merupakan inisiatif terkini pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan menawarkan sajian pada harga serendah RM3.50 di 20 universiti awam dan politeknik di seluruh negara.

Inisiatif ini sejajar dengan

# Menu Siswa Rahmah bukti UKM cakna siswa



MOHAMED Khaled Nordin ketika melakukan lawatan ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 16 Mac lalu.

hasrat UKM yang mahu memastikan tidak ada seorang pun mahasiswa yang terabai dalam menerima bantuan.

Sebelum ini, UKM telah membelanjakan hampir RM250,000 menerusi inisiatif

pemberian moratorium sewaan premis kafe selama enam bulan semenjak tahun 2022.

UKM turut beruntung kerana prakarsa menu siswa ini disokong oleh para alumni, pembayar zakat serta filantropi yang banyak

menyumbang kepada universiti.

Terkini, inisiatif baharu melalui bantuan kepada pelajar B40 sehingga RM1,000 telah diperkenalkan dan permohonan bantuan kini turut dipermudah melalui proses permohonan sepenuhnya secara dalam-talian melalui Aplikasi E-PRIHATIN UKM.

Lebih 1,000 orang pelajar telah menerima manfaat melalui bantuan ini. Pelbagai inisiatif lain juga diamal dan diuruskan oleh UKM bagi memastikan tiada mahasiswa yang tertinggal dalam agenda kebajikan pelajar.

Selain Menu Siswa Rahmah KPT yang telah pun tersedia di hampir kesemua kafeteria asrama dan juga beberapa lokasi penjualan makanan utama di sekitar kampus, UKM turut meneruskan Skim Tabung Kebajikan Pelajar (STKP), Skim Tabung Endowmen Bantuan Pelajar (STEBP), Skim Takaful Berkelompok, Bantuan Makanan serta Pengagihan Peranti

Siswa, Kad Prihatin Siswa dan pengurusan pelbagai tajaan dan blaisiswa pendidikan.

### AUTONOMI MAHASISWA

Dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 yang disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini, para mahasiswa disarankan agar lebih berdikari dalam menguruskan kewangan, keperluan dan kebajikan sendiri.

Justeru, UKM amat menghargai kepercayaan yang diberi oleh pihak KPT untuk bertindak sebagai universiti perintis dalam melaksana Projek Pemerkasaan Mahasiswa.

Beberapa komponen Autonomi Mahasiswa dalam agenda pemerkasaan ini juga telah mula dilaksanakan oleh UKM termasuk autonomi pengurusan aktiviti pelajar, autonomi pengurusan geran atau dana kewangan pelajar dan autonomi pengurusan pemilihan majlis perwakilan pelajar.